

SYARAT-SYARAT / PERATURAN PERTANDINGAN FOTO MEMORI EMAS

I. TEMA

- Tema pertandingan “Memori Emas” bermaksud kenangan lama atau nostalgia 50 tahun di Muzium Negara
- Peserta perlu menghantar gambar memori di Muzium Negara.

II. GAMBAR

- Gambar yang diambil sebaiknya di antara tahun 1963 hingga tahun 1990.
- Peserta hanya boleh menghantar SATU (1) penyertaan sahaja.
- Semua gambar mesti dikemukakan dalam format “original print” atau didigitalkan.

III. PENYERTAAN

- Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia dan warga luar negara.
- Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia TIDAK DIBENARKAN menyertai pertandingan ini.
- Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang dilengkapi dengan nama, alamat, no. kad pengenalan dan no. telefon untuk dihubungi.

IV. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- Borang penyertaan boleh dimuat turun dari www.jmm.gov.my
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **22 Julai 2013 (Isnin)**.
- Borang yang telah siap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat di bawah sebelum atau pada 22 Julai 2013 (Isnin) atau datang sendiri ke:

Urus Setia
UNIT SUMBER MEDIA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
JALAN DAMANSARA, 50566 KUALA LUMPUR.
Tel : 03 - 2267 1000 ext: 190

- Penyertaan juga boleh dibuat secara online di www.jmm.gov.my

V. PENILAIAN

- Gambar pertandingan akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada tema pertandingan.
- Perhatian khas akan diberikan terhadap gambar foto yang merekodkan keadaan asal persekitaran Muzium Negara pada tahun 60 an dan 90 an ke bawah.
- Penyertaan yang tidak mematuhi syarat tidak akan dinilai.
- Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**.

VI. HAK MILIK

- Setiap gambar yang dikemukakan untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik mutlak penganjur.

HADIAH PERTANDINGAN

Pertama : RM 5,000.00
Kedua : RM 3,000.00
Ketiga : RM 2,000.00
Saguhati x 10 : RM 500.00